

**KAJIAN AWAL TENTANG TAHAP KEFAHAMAN BELIA ISLAM DI LEMBAH  
KLANG TENTANG HAK KEBEBASAN BERAGAMA**  
**Preliminary Studies on the Level of Understanding Muslim Youth in Klang Valley  
Concerning Freedom of Religion**

<sup>1</sup>Kamal Azmi Abd Rahman, <sup>1</sup>Norsaleha Mohd Salleh, <sup>1</sup>Nazneen Ismail  
<sup>2</sup>Indriaty Ismail, & <sup>2</sup>Nurulfathonah Mohd. Effendy  
[kamalazmi@kuis.edu.my](mailto:kamalazmi@kuis.edu.my), [norsaleha@kuis.edu.my](mailto:norsaleha@kuis.edu.my), [nazneen@kuis.edu.my](mailto:nazneen@kuis.edu.my)

<sup>1</sup>Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)  
<sup>2</sup>Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

**ABSTRAK**

Dalam konteks kehidupan beragama masyarakat Malaysia, hak kebebasan beragama seringkali dikaitkan dengan isu murtad atau menukar agama, penyebaran agama bukan Islam dan juga status ajaran bukan ahli sunnah wa al-jama'ah. Hak kebebasan beragama di Malaysia difahami berdasarkan kepada prinsip Islam dan perlembagaan negara. Oleh yang demikian, ianya adalah bersyarat iaitu selagi tidak menjejaskan keselamatan awam, kesihatan, moral, keteraturan dan kestabilan negara. Isu-isu hak kebebasan beragama di Malaysia telah menimbulkan polemic dan melahirkan beberapa pertubuhan NGO seperti IFC (*Islam Interfaith Commission*) atau nama sebenarnya IRC (*Inter Religious Centre*), Kumpulan Artikel 11 dan COMANGO (*Coalition of Malaysian NGOs in the UPR Process*) atau Gabungan Pertubuhan Bukan Kerajaan Malaysia yang memperjuangkan agar hak kebebasan beragama terbuka yang menepati piawaian hak kebebasan beragama yang terkandung di dalam *Universal Declaration of Human Rights* (UDHR), 1948. Oleh yang demikian, kajian awal yang dijalankan adalah bertujuan untuk mengkaji tahap kefahaman belia Islam di Lembah Klang tentang hak kebebasan beragama. Kajian akan menggunakan kaedah tinjauan melalui edaran instrumen soal-selidik. Kajian telah memilih 76 orang responden yang terdiri daripada mahasiswa Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) sebagai sampel kajian. Kajian mendapati bahawa tahap pemahaman belia tentang hak kebebasan beragama adalah tinggi dengan nilai min sebanyak 3.83. Semua konstruk memberikan bacaan tahap kefahaman yang tinggi; definisi hak kebebasan beragama (4.11), isu murtad (3.92) dan penyebaran ajaran bukan ahli sunnah wa al-jama'ah (3.76) kecuali konstruk penyebaran agama bukan Islam mencatatkan nilai min sederhana sebanyak 3.54.

**Kata Kunci:** Hak kebebasan beragama, belia Islam, Lembah Klang, Hak Asasi Manusia (HAM).

### **ABSTRACT**

*Based on Malaysian context of socio-religious life, most of the issue concerning freedom of religion is related with the issue of apostacy, the right of non-Muslim to propagate their teachings and the status of non-ahli Sunnah wa al-Jamaah teaching. The freedom of religion in Malaysia understands based on the Islamic principle and national constitution. Therefore, it is subjected to its terms whereby permitted as long as not affected the public security, health, moral, regularity and stability of the country. The issue of the right and freedom of religion in Malaysia create a polemic and has led to the formation of several NGOs such as IFC (Interfaith Commision) or previously known as IRC (Inter Religious Centre), Kumpulan Artikel 11 and COMANGO (Coalition of Malaysian NGOs in the UPR Process) or Gabungan Pertubuhan Bukan Kerajaan Malaysia which concentrate themselves to fight for freedom of religion as it is constituted under Universal Declaration of Human Rights (UDHR), 1948. Therefore, this pilot study conducted to investigate the level of understanding among Muslim youth at Klang Valley on the freedom of religion. This study used exploratory method via the distribution of research instrument, set of questionnaire. The study used 76 respondents' among students from Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) as the research samples. The study found that the level of Muslim youth understanding on the freedom of religion is high with the min score 3.83. All the constructs also provided high level of understanding; the definition of freedom of religion (4.11), the issue of apostacy (3.92) and the propagation of non-ahli sunnah teachings (3.76), except propagation of non-Islamic teachings which recorded medium min, 3.54.*

**Keywords:** *Freedom of religion, Muslim youth, Klang Valley, human rights.*

## 1.0 PENGENALAN

Hak kebebasan beragama merupakan salah satu daripada perkara yang terkandung di dalam deklarasi PBB pada 1 Januari 1942 tentang Hak Asasi Manusia (HAM). Hak kebebasan beragama ialah hak untuk mengikut kepercayaan agama sebagaimana yang dipilih oleh seseorang, hak untuk menyatakan pegangan agama secara terbuka tanpa ketakutan atau halangan yang menyebabkan seseorang akan dikenakan sesuatu tindakan serta hak untuk mengisytiharkan kepercayaan melalui pemujaan dan amalan, ajaran dan sebaran. Merujuk kepada Perkara 18 dalam Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat atau *Universal Declaration of Human Rights* (UDHR) 1948, hak kebebasan beragama adalah:

Setiap orang adalah berhak untuk mendapat kebebasan berfikir, perasaan hati dan agama; hak ini termasuklah kebebasan menukar agama atau kepercayaannya, dan kebebasan, samada secara bersendirian atau secara bersama-sama dengan orang-orang lain dan secara terbuka atau bersendirian, menganuti agama atau kepercayaannya melalui pengajaran, amalan, pemujaan dan pematuhan.

Dalam Islam, setiap individu mempunyai hak kebebasan beragama, mengamalkan dan beribadat mengikut agama yang dianuti individu tersebut. Jesteru itu, setiap manusia juga diberi kebebasan untuk memilih mana-mana agama untuk dianuti. Seperti firman Allah S.W.T. dalam surah *al-Kahf* ayat 29:

وَقُلِ الْحَقُّ مِنْ رَبِّكُمْ فَمَنْ شَاءَ فَلْيُؤْمِنْ وَمَنْ شَاءَ فَلْيُكْفُرْ إِنَّا أَعْتَدْنَا لِلظَّالِمِينَ نَارًا أَحَاطَ بِهِمْ سُرَادِقُهَا وَإِنْ يَسْتَعِينُوا يُعَاثُوا بِمَاءٍ كَالْمُهْلِ يَشْوِي الْوُجُوهَ بِئْسَ الشَّرَابُ وَسَاءَتْ مُرْتَفَقًا

Maka barang siapa yang ingin (beriman) hendaklah ia beriman, dan barang siapa yang ingin (kafir) biarlah ia kafir". Sesungguhnya kami telah sediakan bagi orang-orang zalim itu neraka, yang gejalaknya mengepung mereka. Dan jika mereka meminta minum, nescaya mereka akan diberi minum dengan air seperti besi yang mendidih yang menghanguskan muka. Itulah minuman yang paling buruk dan tempat istirahat yang paling buruk.

Manusia yang dilahirkan di dunia ini bersih (fitrah) dan bebas daripada perhambaan, dosa dan kasta. Walau bagaimanapun, kebebasan yang diberikan tidaklah mutlak kerana kebebasan mutlak hanyalah milik Allah S.W.T sahaja. Oleh kerana itu, Islam tidak membenarkan penganutnya meninggalkan agama atau murtad kerana ianya bercanggah dengan prinsip akidah

Islam. Apatah lagi, pemeliharaan agama adalah aspek penting bagi kemaslahatan manusia berdasarkan kepada *darūriyyah al-khamsah* yang menunjangi *maqāṣid al-shari'ah*. (Helwa, 2014).

Jaminan hak kebebasan beragama juga terkandung di dalam Perlembagaan di Malaysia, Perkara 11(1), Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa:

Tiap-tiap orang adalah berhak menganuti dan mengamalkan ugamanya.

Malah perlembagaan juga memperuntukan Islam sebagai agama persekutuan. Oleh yang demikian, orang Islam bukan sekadar tertakluk kepada prinsip kebebasan beragama dalam Islam, bahkan juga kepada Perlembagaan Persekutuan. Namun begitu, perlembagaan juga tidak menafikan hak kebebasan beragama penganut agama lain dari aspek kepercayaan dan pengamalannya.

Hal tersebut menepati prinsip Islam kerana Islam tidak pernah memaksa mana-mana individu atau golongan non-muslim untuk memeluk agama Islam. Ini seperti mana yang terkandung di dalam surah *al-Baqarah* ayat 256:

لَا إِكْرَاهَ فِي الدِّينِ قَدْ تَبَيَّنَ الرُّشْدُ مِنَ الْغَيِّ فَمَنْ يَكْفُرْ بِالطَّاغُوتِ وَيُؤْمِنْ بِاللَّهِ فَقَدِ اسْتَمْسَكَ بِالْعُرْوَةِ  
الْوُثْقَىٰ لَا انْفِصَامَ لَهَا وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ

Tidak ada paksaan dalam agama (Islam), kerana sesungguhnya telah nyata kebenaran (Islam) dari kesesatan (kufur). Oleh itu, sesiapa yang tidak percayakan Taghut, dan ia pula beriman kepada Allah, maka sesungguhnya ia telah berpegang kepada simpulan (tali agama) yang teguh yang tidak akan putus. Dan (ingatlah), Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.

Selain itu, Rasulullah S.A.W turut mempersetujui bahawa tiada paksaan dalam kepercayaan seseorang semasa memeterai Perlembagaan Madinah. Ketika itu, masyarakat bukan Islam terutamanya golongan Yahudi dibenarkan tinggal di Madinah dan kekal menganut agama mereka. Fasal 25 dalam Piagam Madinah menyatakan:

Kaum Yahudi dari Bani 'Awf adalah umat dengan mukminin. Bagi kaum Yahudi agama mereka, dan bagi kaum muslimin agama mereka. Juga (kebebasan ini berlaku) bagi sekutu-sekutu dan diri mereka sendiri, kecuali bagi yang zalim dan jahat. Hal demikian akan merosak diri dan keluarganya.

Kajian awal yang akan dijalankan ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap kefahaman belia Islam di Lembah Klang tentang hak kebebasan beragama. Golongan belia atau mahasiswa adalah kumpulan terpenting dalam sesebuah masyarakat atau negara seharusnya mempunyai kefahaman yang tepat tentang hak kebebasan beragama di Malaysia yang dibina berdasarkan kepada prinsip Islam dan perlembagaan persekutuan. Oleh itu, ia tidak difahami secara terbuka sepertimana yang terkandung di dalam UDHR 1948.

## 2.0 PERMASALAHAN KAJIAN

Hak Kebebasan beragama adalah perkara penting yang harus difahami oleh setiap manusia. Menurut Ridwan Arif (2010), menyatakan bahawa isu kebebasan beragama menjadi penting terutamanya sejak awal kurun ke-20 apabila kumpulan agama minoriti muncul di negara-negara maju Eropah, Amerika Syarikat, Australia dan negara-negara lain. Oleh kerana faktor perpindahan penduduk, revolusi komunikasi dan globalisasi, isu permasalahan kebebasan beragama merupakan masalah sejagat bukan masalah khas bagi sesebuah negara. Berdasarkan kepada sejarah, permasalahan kepada kebebasan dan hak asasi manusia bermula selepas Revolusi Perancis dengan terbentuknya sistem negara-bangsa (*nation state*). Revolusi ini berlatarbelakangkan peperangan antara agama, diskriminasi, hak kebebasan (*liberte*), kesamarataan (*egalite*) dan persaudaraan (*fraternite*) yang merujuk kepada falsafah bahawa manusia lahir dalam keadaan bebas dan sama rata bagi hak-haknya.

Oleh yang demikian, idea awal tentang hak asasi manusia (HAM) yang mula diperkenalkan di Barat adalah sebagai manifestasi kemerdekaan dan kebebasan daripada semua nilai-nilai tradisi yang mengongkong terutamanya nilai tradisi yang diwarisi daripada ajaran agama. Idea-idea yang dikembangkan di dalam HAM adalah berdasarkan prinsip humanisme-sekularisme iaitu tiada nilai tradisi, nilai kudus, agama dan spiritual. Setelah melalui sejarah dan proses yang panjang, naskah hak asasi manusia akhirnya terbentuk pada tahun 1948 di PBB dengan nama *Universal Declaration of Human Rights* (UDHR). Empat perkara utama dalam UDHR adalah kebebasan daripada ketakutan, kebebasan daripada kemahuan, kebebasan bersuara dan kebebasan kepercayaan. Hal-hal yang berkaitan dengan hak kebebasan beragama individu terkandung di dalam perenggan 18, UDHR 1948.

Hak kebebasan beragama adalah meliputi hak untuk beragama, menukar agama, hak untuk beribadah sesuai dengan keyakinan dan hak untuk mengajarkan agamanya. Tanpa mengira agama dan latar belakang, hak-hak tersebut dijamin kepada setiap individu atau kumpulan. Pemahaman tentang hak kebebasan beragama yang terkandung di dalam deklarasi tersebut berbeza dengan kebebasan beragama menurut perspektif Islam kerana pembinaannya didasari oleh konsep negara sekular (Helwa et. al. 2013 & Faridah et. al. 2014). Hak kebebasan beragama yang dipromosikan oleh deklarasi HAM juga adalah kebebasan yang mutlak (Frans Sayogie 2013). Sebaliknya, hak kebebasan beragama menurut Islam adalah kebebasan yang tidak mutlak dan terma kebebasan tersebut juga berbeza antara Muslim dengan bukan Muslim. Walaupun begitu dari segi asalnya kebebasan agama yang dijamin oleh Islam terletak pada konsep 'tiada paksaan' dan penganut agama lain adalah bebas untuk menjalankan kegiatan keagamaan mereka. Ini seperti yang terkandung di dalam Fasal 25, Piagam Madinah iaitu penganut agama lain tidak dipaksa untuk memeluk agama Islam dan pada masa yang sama mereka juga tidak dihalang untuk menjalankan amalan keagamaan mereka.

Kebebasan beragama merupakan salah satu hak kebebasan asasi yang dijamin oleh Malaysia kepada setiap warganegaranya di bawah Perlembagaan Persekutuan. Ini berdasarkan kepada Perkara 11(1) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan 'Tiap-tiap orang adalah berhak menganuti dan mengamalkan agamanya'. Walaupun perlembagaan menjamin hak kebebasan beragama setiap individu, hak tersebut juga adalah tidak mutlak sesuai dengan prinsip Islam terutama sekali dalam hal-hal yang berkaitan dengan penukaran agama atau keluar dari Islam. Ini bermaksud hak kebebasan untuk menukar agama tidak diberikan kepada penganut agama Islam sesuai dengan peraturan dan prinsip agama Islam sendiri. Hal yang demikian tidak melanggar prinsip kebebasan kerana sesebuah negara dibolehkan untuk membatasi hak tertentu dengan dasar atau klausa pembatasan (Frans Sayogie, 2013). Walau bagaimanapun, pembatasan tersebut telah menimbulkan polemik dan kekeliruan dalam memahami konsep hak kebebasan beragama di Malaysia terutamanya perkara-perkara yang melibatkan hak Islam dan Muslim serta hak bukan Muslim dan agama mereka. Hal ini juga berlanjutan dan membentuk persepsi masyarakat bukan Islam terhadap perubahan atau proses Islamisasi yang berlaku di Malaysia sebagai sesuatu yang bertentangan dengan perlembagaan negara yang sepatutnya menjamin hak kebebasan beragama setiap individu (Abdul Rahman, 2009).

Antara isu-isu yang berkaitan dengan hak kebebasan beragama di Malaysia adalah hak orang Islam untuk menukar agamanya, keluar dari Islam ataupun murtad. Antara kes murtad yang pernah difailkan di mahkamah ialah kes Lina Joy lawan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. Merujuk kepada Jabatan Agama Islam Selangor (2014), Mahkamah Persekutuan dalam kes Lina Joy lwn Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan & Anor memutuskan mahkamah syariah secara mutlak mempunyai bidang kuasa mendengar kes-kes murtad dan permohonan keluar Islam. Mereka yang hendak memohon keluar Islam hendaklah mengemukakan permohonan di Mahkamah Syariah kerana ia berkait rapat dengan hukum syarak walaupun pada peringkat awal permohonan untuk keluar dari Islam atau murtad difailkan di mahkamah sivil. Permohonan di mahkamah sivil adalah didasari oleh semangat kebebasan beragama sepertimana yang telah dianjurkan oleh hak asasi manusia, sedangkan isu yang melibatkan Islam di Malaysia perlu dirujuk ke mahkamah syariah negeri apatah lagi permohonan bagi pengesahan status murtad.

Selain itu, isu penggunaan kalimah Allah oleh penganut Kristian di Malaysia juga mempunyai hubungan dengan hak kebebasan beragama (Faridah 2014). Dalam kes ini, *Herald The Catholic Weekly* pada Mei 2009 telah membuat permohonan kepada Mahkamah Tinggi untuk membenarkan penggunaan kalimah Allah di dalam majalah tersebut bagi edisi Bahasa Melayu. Permohonan tersebut walau bagaimanapun tidak diluluskan kerana kalimah Allah eksklusif bagi agama Islam sahaja. Selain itu, penggunaan kalimah tersebut juga dikhuatiri akan menimbul kekeliruan dalam kehidupan beragama umat Islam di Malaysia. Larangan tersebut juga bertepatan dengan Perlembagaan Persekutuan, Perkara 11(4) untuk mengawal atau menyekat penganut agama bukan Islam menyebarkan atau mengembangkan ajaran atau kepercayaan mereka kepada orang-orang Islam kerana penggunaan kalimah Allah di dalam *Herald The Catholic* juga dilihat mempunyai tujuan *missionary*.

Isu tentang penyebaran agama bukan Islam boleh dirujuk kepada kes Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri lwn Jamaludin @ Yeshua Jamaludin bin Othman. Ia berikutan penahanan Jamaludin di bawah akta ISA kerana didapati menyebarkan agama Kristian kepada orang-orang Melayu (Ezad Azraai et. al. 2011). Beliau kemudiannya telah memfailkan permohonan *writ*

*habeas corpus* dengan mendakwa bahawa penahanan beliau di bawah ISA adalah berlawanan dengan hak kebebasan beragama yang dijamin di dalam Perkara 11(1), Perlembagaan Persekutuan. Selain itu, terdapat isu lain seperti isu Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) yang telah membuat serbuan ke atas dewan Damansara Utama Methodist Church (DUMC) kerana didapati terdapatnya usaha penyebaran ajaran Kristian atau kristianisasi (Mafis 2012).

Hak kebebasan beragama di Malaysia juga dikaitkan dengan usaha kawalan jabatan agama Islam terhadap penyebaran ajaran-ajaran yang menyeleweng atau yang bercanggah dengan ahli sunnah wa al-jama'ah. Contohnya, larangan terhadap pengamalan dan penyebaran ajaran Syiah dan ajaran-ajaran yang telah difatwakan sesat seperti al-Arqam (yang telah difatwakan sesat pada tahun 1994). Menurut Ezad Azraai et. al. (2011), pengharaman kumpulan al-Arqam adalah kerana ianya difatwakan terkeluar daripada mazhab ahli sunnah wa al-jama'ah. Selain itu, tindakan tegas juga diambil terhadap usaha-usaha penyebaran ajaran Syiah. Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) contohnya telah melakukan serbuan di pusat-pusat aktiviti ajaran Syiah di Gombak. Pengikut-pengikut ajaran Syiah kebanyakannya cuba menggunakan saluran hak asasi manusia untuk mempertahankan kegiatan mereka serta menidakkan usaha atau tindakan oleh pihak berkuasa dalam membanteras penyelewengan akidah Islam di Malaysia (Mafis 2012).

Terdapat juga usaha-usaha daripada pihak berkuasa untuk membanteras penyebaran ajaran-ajaran Islam liberal di Malaysia terutamanya dalam bentuk penulisan. Antara penulisan yang telah diharamkan ialah *Hadis: Suatu Penilaian Semula* (Kassim Ahmad, 1986), *Pergolakan Pemikiran Islam* (Ahmad Wahib, 2007), *Allah, Liberty & Love* (Irshad Manji, 2011) dan lain-lain yang telah diharamkan di Malaysia kerana kandungannya yang dianggap menyeleweng daripada ajaran Islam yang bersumberkan al-Quran dan Hadis. Pergerakan kumpulan liberal Islam juga giat mempromosikan idea-idea mereka bersandarkan kepada slogan kebebasan beragama dan hak asasi manusia. Kumpulan-kumpulan ini juga bersetuju dan mencadangkan supaya istilah-istilah dalam agama Islam seperti Kaabah, solat dan syahadat turut dibenarkan penggunaannya oleh agama-agama lain. Menurut Mazlan et. al. (2010), idea tersebut boleh menyebabkan penularan gejala pluralisme agama iaitu kefahaman bahawa semua agama adalah sama dari aspek kebenarannya di kalangan masyarakat Malaysia.



Pertembungan antara kefahaman hak kebebasan beragama yang bebas seperti yang difahami melalui deklarasi hak asasi manusia dengan hak kebebasan beragama yang difahami melalui perspektif Islam dan perlembagaan menimbulkan pelbagai interpretasi tentang maksud hak kebebasan agama yang sebenar. Perkara pertama yang dipersoalkan adalah tentang hak kebebasan beragama yang diperuntukan oleh di dalam Perkara 11(1), Perlembagaan Persekutuan adalah terbatas terutamanya dalam hal-hal yang berkaitan dengan ajaran Islam seperti isu murtad. Oleh yang demikian, terdapat pihak yang menyatakan bahawa Islam telah menyanggah hak kebebasan individu untuk memilih agama mereka sendiri (Helwa et. al. 2014). Polemik ini telah membentuk beberapa pertubuhan NGO di Malaysia antaranya, *Islam Interfaith Commission* (IFC) atau nama sebenarnya *Inter Religious Centre (IRC)*, yang mana turut dikenali sebagai Majlis Suruhanjaya Antara Agama-Agama. Fungsi badan ini adalah menerima dan melayan aduan-aduan yang berkaitan dengan agama dan agenda utama penubuhannya adalah meletakkan semua agama dalam kedudukan yang sama sehingga setiap orang bebas untuk menentukan status agamanya serta tidak ada halangan bagi seorang Muslim untuk murtad (Mazlan et. al., 2012, Mohamed Azam, 2015).

Selain daripada IFC atau IRC, Kumpulan Artikel 11 juga membawa agenda yang sama. Nama Kumpulan Artikel 11 diambil bersempena Perkara 11 di dalam Perlembagaan Persekutuan yang memberi jaminan hak kebebasan beragama. Ia ditubuhkan pada bulan Mei 2004 melalui gabungan 13 pertubuhan bukan kerajaan bertujuan untuk menegakkan keluhuran perlembagaan dan menggalakkan kebebasan beragama yang bersifat mutlak. Selain itu, pertubuhan COMANGO (*Coalition of Malaysian NGOs in the UPR Process*) atau Gabungan Pertubuhan Bukan Kerajaan Malaysia juga aktif menuntut pelbagai syor yang berkaitan dengan hak asasi manusia. Berdasarkan kepada tuntutan tersebut, dalam perenggan 10 iaitu kebebasan beragama, ekspresi, perhubungan dan pehimpunan aman dan menyertai kehidupan awam dan berpolitik. (*Freedom of Religion or belief, expression, association and peaceful assembly, and right to participate in public and political life*). Dalam perenggan ini terdapat 23 isi laporan/sub isi laporan dan 11 syor. Antaranya ialah 10.1.1 *The Herald* dihalang menggunakan kalimah Allah, 10.1.6 Tiada kebebasan agama bagi orang Islam, ajaran Syiah dilebel sesat, 10.1.9 Terjemahan *Allah, Liberty & Love* dilarang oleh KDN dan 10.1.11 Hak bapa yang mengislamkan anak-anak di bawah umur telah dipertikaikan. Selain itu, kumpulan *Sisters in Islam* turut mempersoalkan

larangan murtad kerana Muslim menuntut kebebasan dan mahu menarik lebih ramai orang bukan Islam untuk memasuki agama itu tetapi dalam masa yang sama tidak membenarkan penganutnya keluar dari agama tersebut (Rafidah 2014). Menurut mereka, ia adalah satu pertentangan dan ketidakadilan.

Dalam konteks Malaysia, kebebasan beragama adalah bersifat bersyarat iaitu terikat dengan keselamatan awam, kesihatan, moral, keteraturan dan kestabilan negara. Kajian tentang kefahaman hak kebebasan beragama yang dijalankan oleh Faisal Ahmad Shah (2015) di Wilayah Persekutuan mendapati bahawa tahap kefahaman masyarakat tentang hak kebebasan beragama adalah rendah dan boleh menimbulkan kekeliruan. Walaupun Perlembagaan Persekutuan telah menggariskan tafsiran hak kebebasan beragama yang jelas, namun terdapat sesetengah pihak yang cuba mentafsirkannya semula agar bersesuaian dengan tafsiran umum dan mutlak seperti yang terkandung di dalam UDHR 1948. Kebebasan beragama yang difaham secara mengikat bagi mereka adalah bentuk-bentuk ekstrimisme atau fundamentalisme. Oleh yang demikian, kajian yang dijalankan bertujuan untuk mendapat maklumat awal tentang tahap kefahaman belia Islam di Lembah Klang tentang hak kebebasan beragama.

### **3.0 ULASAN KEPUSTAKAAN**

Artikel yang bertajuk *Sejarah Perlindungan Hak-Hak Asasi Manusia dalam Kaitannya dengan Konsep Negara Hukum* oleh Retno Kusniati (2011), *Sejarah, Teori, Prinsip dan Kontroversi HAM* yang dikarang oleh Andrey Sujatmoko (2009) dan Md Akhir (1985) yang mengarang buku bertajuk *Hak Asasi Manusia Menurut Islam* telah membahaskan tentang asal-usul gagasan HAM yang bersumber daripada teori hak asasi (*natural rights theory*). Perkembangan hak asasi itu bermula daripada *Magna Carta* pada tahun 1215 sehinggalah terlahirnya UDHR 1948 yang menjelaskan tentang maksud dan kefahaman hak kebebasan beragama. Walaupun begitu, konsep kebebasan beragama menurut persepsi Barat berbeza dengan acuan Islam. Barat merupakan sebuah negara yang berasaskan negara sekular yang mana Barat mengasingkan gereja atau agama dan negara. Artikel yang bertajuk *Perlindungan Negara Terhadap Hak Kebebasan Beragama: Perspektif Islam dan Hak Asasi Manusia Universal* oleh Frans Sayogie (2013), *Penetapan Mazhab Ahli Sunnah wa al-Jamaah Sebagai Definisi Islam di Malaysia: Hak Penyebaran Agama Bagi Kumpulan Agama Minoriti* dikarang oleh Ezad Azraai et. al. (2011) dan *Legislating Faith in Malaysia* dikarang oleh Nurjannah (2007) turut membincangkan

kategori atau pecahan hak kebebasan beragama dalam hak asasi manusia. Artikel-artikel ini juga menjelaskan beberapa isu berkaitan dengan hak kebebasan beragama dan perundangan di Malaysia.

*Hak-hak Non-Muslim dalam Pentadbiran Negara Menurut al-Mawardi* oleh Hidayat (2012) menjelaskan mengenai jaminan Islam dalam hak kebebasan beragama kepada non-muslim adalah secara mutlak. Mereka berhak untuk menjalankan upacara dan syiar-syiar agama masing-masing dalam kehidupan seharian, walaupun di tempat yang dikelilingi oleh orang Islam selagi mana mereka tidak memberi ancaman atau hasutan kepada orang-orang Islam. Buku yang berjudul *Islam dan Kepercayaan Lain* yang dikarang oleh Ismail Raji al-Faruqi, (2009) menyatakan bahawa terdapat terma khusus untuk hak kebebasan beragama bagi non-muslim iaitu *Pax Islamica*. *Pax Islamica* bermaksud jaminan kebebasan untuk meyakini dan juga diyakini tentang kebenaran Islam oleh penganut agama selain Islam. Ini menunjukkan bahawa mereka yang didakwa berhak memilih atau mempertimbangkan kebaikan dan keburukan melalui apa yang disampaikan kepada mereka.

Tesis berjudul *Kebebasan Awam (civil liberty) Menurut Jaringan Islam Liberal (JIL) di Indonesia* oleh Ridwan Arif (2010) dan *Menuju Kebebasan Beragama di Indonesia* yang dikarang oleh Siti Musdah Mulia (2006) pula merumuskan tentang hak kebebasan beragama dalam konteks kehidupan plural masyarakat Indonesia. Ridwan Arif (2010), dalam penulisannya menyatakan bahawa Islam menjamin kewujudan kebebasan beragama dan ianya merupakan hak manusia yang paling asas. Kebebasan beragama dapat menumbuhkan rasa saling menghormati antara warga negara yang berbeza agama dan bangsa. Ekoran daripada itu, ia membawa kepada timbulnya sikap toleransi dan perasaan cinta antara sesama mereka. Kebebasan beragama menurut JIL merangkumi beberapa perkara, iaitu:

- i. Kebebasan memilih dan menganuti agama;
- ii. Kebebasan untuk tidak beragama;
- iii. Kebebasan bertukar agama;
- iv. Kebebasan menyebarkan agama;
- v. Kebebasan melaksanakan agama;
- vi. Kebebasan melakukan perkahwinan berbeza agama;

- vii. Kebebasan mempelajari sebarang ajaran agama;
- viii. Memberi kebebasan munsulnya sesuatu agama atau aliran keagamaan baru; dan
- ix. Sikap dan tindakan yang adil daripada Kerajaan kepada semua penganut agama dan kepercayaan.

Berdasarkan kebebasan beragama menurut JIL jelas dapat dilihat bahawa kebebasan beragama adalah bersifat mutlak. Ia menyalahi keyakinan umat Islam yang mana Islam meletakkan kebebasan beragama secara tidak mutlak. Kebebasan untuk bertukar agama (murtad), perkahwinan beza agama dan aliran-airan keagamaan baru merupakan antara yang bertentangan dengan Islam (Ridwan Arif, 2010).

Menurut Helwa (2013), di dalam artikel yang bertajuk *Kedudukan Murtad dan Penyebaran Agama Bukan Islam Menurut Perspektif Undang-Undang Malaysia: Satu Analisa Isu dan Cabaran* bahawa konsep Islam adalah tidak mengasingkan agama dengan negara. Ianya berbeza dengan cara atau persepsi Barat. Malah Islam bukan hanya berkaitan dengan pegangan individu, akan tetapi ia merangkumi keseluruhan hidup; individu dan masyarakat, material dan moral, ekonomi dan politik, perundangan dan kebudayaan, kebangsaan dan antarabangsa. Dalam isu menukar agama atau murtad, negara bertanggungjawab untuk mempertahankan agama Islam sebagai agama persekutuan dan perbuatan murtad merupakan satu penentangan terhadap Islam. Manakala, sekatan penyebaran kepercayaan agama lain kepada orang Islam pula tertakluk dalam Perlembagaan Persekutuan Perkara 11(4), memberi kuasa kepada Parlimen dan Dewan Undangan Negeri meluluskan pengawalan agama bukan Islam di kalangan orang Islam.

Artikel yang bertajuk *Kebebasan Beragama: Gambaran Malaysia* yang di karang oleh Faridah Jalil dan Rohizan Halim (2014) mempunyai pandangan yang berbeza berkaitan dengan isu murtad. Perkara 11(1) Perlembagaan Persekutuan tidak menafikan hak orang Islam untuk menukar agama sebagaimana yang wujud dalam Perlembagaan Persekutuan kerana perbincangan lebih kepada sekatan yang dikenakan di bawah enakmen negeri. Orang Islam dikenakan pelbagai jenis aturan enakmen negeri sebelum diisytiharkan sebagai telah keluar daripada agama Islam. Oleh kerana itu, timbullah kekeliruan bahawa orang Islam dinafikan sama sekali hak untuk menukar agama oleh segelintir pihak.

Buku tulisan Mazlan (2012), yang berjudul *Islam Liberal: Isu dan Reaksi* serta Mohamed Azam (2015), dalam buku *Liberalisme dan Pluralisme Agama: Impak kepada Perlembagaan dan Sistem Perundangan Islam di Malaysia*, menjelaskan tentang penubuhan IRC. Pertubuhan ini ditaja oleh MCCBCHS (*Malaysian Consultative Council of Buddhism, Christianity, Hinduism and Sikhism*) melalui memorandum yang telah dihantar ke Majlis Peguam Malaysia (*Bar Council*) pada 21 Ogos 2001. Berdasarkan memorandum yang dinyatakan oleh IRC, jelas membuktikan bahawa setiap individu berhak menuntut hak kebebasan beragama termasuk agama Islam. Antara kandungan memorandum tersebut adalah seperti berikut (Mazlan et. al., 2012; Mohamed Azam, 2015):

- i. Seseorang atau pasangan suami isteri yang menukar agamanya dengan memeluk Islam tidak patut diberikan hak penjagaan anak;
- ii. Orang bukan Islam yang mempunyai hubungan kekeluargaan dengan seorang yang memeluk Islam hendaklah diberikan hak menuntut harta pusakanya selepas kematiannya;
- iii. Kerajaan hendaklah menyediakan dana yang mencukupi untuk membina dan menyelenggara rumah-rumah ibadat orang bukan Islam sebagaimana kerajaan menyediakan dana yang sama untuk masjid. Kerajaan juga perlu membenarkan pembinaan rumah-rumah ibadat orang bukan Islam tanpa perlu adanya peraturan-peraturan tertentu;
- iv. Orang bukan Islam hendaklah dibenarkan dan tidak boleh dihalang daripada menggunakan perkataan-perkataan suci Islam dalam percakapan dan sebagainya;
- v. Bible dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Indonesia sepatutnya dibenarkan untuk diedarkan kepada umum secara terbuka;
- vi. Pelajaran agama bukan Islam untuk penganut agama itu hendaklah diajar di semua sekolah;
- vii. Program berunsur Islam dalam bahasa ibunda sesuatu kaum hendaklah ditiadakan;
- viii. Orang Islam yang membayar zakat tidak sepatutnya dikecualikan daripada membayar cukai pendapatan dan wang sepatutnya digunakan juga untuk keperluan orang bukan Islam;
- ix. Sepatutnya Islam tidak disebut sebagai pilihan pertama masyarakat Malaysia seperti dalam soal pakaian menutup aurat kepada pelajar sekolah; dan

- x. Orang bukan Islam tidak perlu menganut Islam tidak perlu menganut Islam sekiranya ingin berkahwin dengan orang Islam. Orang Islam dibenarkan keluar daripada Islam (murtad) sekiranya ingin berkahwin dengan orang bukan Islam tanpa dikenakan apa-apa tindakan undang-undang.

Melalui sorotan literatur, kajian mendapati bahawa kajian-kajian lepas telah membahaskan tentang sejarah hak asasi manusia dan pembentukan kefahaman hak kebebasan beragama. Secara konseptual, kajian-kajian tersebut telah menjelaskan pertentangan kefahaman hak kebebasan beragama dalam perspektif Islam dan hak kebebasan beragama yang dianjurkan oleh hak asasi manusia yang terkandung di dalam UDHR 1948. Pemahaman hak kebebasan beragama ini juga tidak menepati kehendak perlembagaan negara. Konflik ini seterusnya telah menyebabkan kelahiran pelbagai pertubuhan NGO yang meminta agar kerangka hak kebebasan beragama difahami secara mutlak dan tanpa sebarang sekatan. Gerakan pertubuhan NGO dan lambakan maklumat di internet boleh menyebabkan salah faham di kalangan masyarakat tentang hak kebebasan beragama. Kajian *Kebebasan Beragama: Analisis Tahap Kefahaman Masyarakat Islam Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur* yang pernah dijalankan oleh Faisal Ahmad Shah (2015) membuktikan bahawa tahap kefahaman masyarakat Islam di Lembah Klang tentang hak kebebasan beragama adalah rendah. Oleh yang demikian kajian lanjutan tentang kefahaman hak kebebasan beragama perlu dijalankan terutamanya di kalangan belia Islam yang sedang mengikuti kajian institusi pengajian tinggi.

#### **4.0 METODOLOGI**

Kajian yang dijalankan adalah kajian penyelidikan kuantitatif. Instrumen yang akan digunakan bagi mendapatkan data adalah borang soal selidik. Borang soal selidik yang digunakan mengandungi dua bahagian seperti berikut: Bahagian A: Demografi responden (jantina, umur, tahap pendidikan, Institusi Pengajian, latar belakang pendidikan, fakulti dan lain-lain), manakala Bahagian B: Tahap pengetahuan dan soalan mengenai hak kebebasan beragama. Bagi mengukur tahap kefahaman belia mengenai hak kebebasan beragama, kajian menggunakan *Skala Likert* bermula daripada skala 1 (sangat tidak setuju) sehingga 5 (sangat setuju).

Kajian yang akan dijalankan merupakan kajian rintis yang mana hanya melibatkan 76 orang responden. Ia menggunakan kaedah persampelan bertujuan. Responden yang dipilih

adalah kumpulan mahasiswa Islam yang sedang menuntut di pusat pengajian tinggi sama ada Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) atau Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) di Lembah Klang. Bagi tujuan rintis ini, pengkaji telah memilih dua buah institusi pengajian bagi mewakili institusi pengajian tinggi awam iaitu Universiti Kebangsaan Malaysia dan institusi pengajian swasta iaitu Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).

Data-data yang dikumpul perlu dianalisis menggunakan perisian berkomputer SPSS (*Statistical Package for the Social Science*). Data yang diperolehi akan diberikan interpretasi mengikut nilai min berdasarkan kepada Jadual 1.

Jadual 1: Jadual interpretasi data untuk tiga tahap

Nilai Min	Tahap
1.00-2.33	Rendah
2.34-3.67	Sederhana
3.68-5.00	Tinggi

## 5.0 DAPATAN KAJIAN

Bagi tujuan kajian awal atau rintis, pengkaji telah mengedar 85 soal selidik secara rawak di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Daripada jumlah tersebut, 9 soal selidik telah rosak kerana tidak diisi dengan lengkap dan hanya 76 soal selidik sahaja yang digunakan bagi tujuan analisis dapatan kajian.

### 5.1 Demografi Responden

Bahagian demografi responden mempunyai 11 item iaitu institusi pengajian, jantina, umur, asal, peringkat pengajian, bidang pengajian, latar belakang pendidikan sekolah menengah, pekerjaan, penglibatan organisasi, mengikuti perkembangan semasa di portal *online*, *facebook* atau laman sesawang serta bahan bacaan yang responden gemar membaca atau ikuti. Berikut adalah data yang diperolehi daripada latar belakang responden:

Jadual 2: Taburan responden mengikut institusi pengajian

<b>Bil</b>	<b>Kategori</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus</b>
1.	IPTA	18	23.7%
2.	IPTS	58	76.3%

Jadual 3: Taburan responden mengikut jantina

<b>Bil</b>	<b>Kategori</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus</b>
1.	Lelaki	26	34.2%
2.	Perempuan	50	65.8%

Jadual 4: Taburan responden mengikut umur

<b>Bil</b>	<b>Kategori</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus</b>
1.	18 tahun sehingga 25 tahun	60	78.9%
2.	26 tahun sehingga 40 tahun	16	21.1%

Jadual 5: Taburan responden mengikut asal-usul

<b>Bil</b>	<b>Kategori</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus</b>
1.	Bandar	44	57.9%
2.	Luar bandar	32	42.1%

Jadual 6: Taburan responden mengikut peringkat pengajian

<b>Bil</b>	<b>Kategori</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus</b>
1.	Prasiswazah	62	81.6%
2.	Pascasiswazah	14	18.4%

Jadual 7: Taburan responden mengikut bidang pengajian

<b>Bil</b>	<b>Kategori</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus</b>
1.	Pengajian Islam	53	69.7%
2.	Bukan Pengajian Islam	23	30.3%



Jadual 8: Taburan responden mengikut latar belakang sekolah menengah

<b>Bil</b>	<b>Kategori</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus</b>
1.	Sekolah Aliran Agama	60	78.9%
2.	Sekolah Aliran Biasa	16	21.1%

Jadual 9: Taburan responden mengikut sektor pekerjaan

<b>Bil</b>	<b>Kategori</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus</b>
1.	Kerajaan	4	5.3%
2.	Swasta	2	2.6%
3.	Tiada	70	92.1%

Jadual 10: Taburan responden mengikut penglibatan organisasi

<b>Bil</b>	<b>Kategori</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus</b>
1.	Kerajaan	3	3.9%
2.	Swasta	11	14.5%
3.	Tiada	62	81.6%

Jadual 11: Taburan responden mengikut sumber rujukan portal online

Bil	Kategori	Kekerapan	Peratus
1.	Malaysia Kini	45	31.3%
2.	IRF	3	2.1%
3.	Republik Buku	6	4.2%
4.	Marina Mahathir	2	1.4%
5.	Malaysia Insider	13	9%
6.	The Rational Rakyat	3	2.1%
7.	Benz Ali	12	8.3%
8.	UTTP	3	2.1%
9.	Lain-lain	41	28.5%
	Amran Fans		
	Siakap Keli		
	Oh Media		
	Rani Kulup		
	Pseudosciouce Watch		
	The Vocket		
	The Patriot		
	Islam dan Melayu		
The Star			
UTAM			
Malaysia Instinct			
10.	Tiada	16	11.1%

Majoriti responden adalah daripada IPTS, mahasiswa KUIS iaitu sebanyak 76.3% manakalah 23.7% lagi daripada IPTA, UKM. 65.8 % daripada jumlah responden adalah perempuan dan 34.2% pula adalah lelaki. Majoriti responden berumur awal 20-an dengan peratusan 78.9 % bersamaan dengan 60 orang manakalah selebihnya seramai 16 orang atau 21.1% pula berumur lebih 26 tahun. Oleh kerana itu, majoriti responden juga berada di peringkat pengajian prasiswazah iaitu 81.6% bersamaan 62 orang manakala 18.4% lagi adalah mahasiswa yang sedang menuntut di peringkat pascasiswazah. 57.9% bersamaan dengan 44 orang daripada responden tinggal d kawasan bandar manakala 32 yang lain di kawasan luar bandar. Majoriti responden mengambil kursus dalam bidang pengajian Islam iaitu seramai 53 orang bersamaan dengan 69.7% manakala 30.3% bukan dalam bidang pengajian Islam. Ini disebabkan oleh majoriti bilangan responden adalah daripada KUIS yang mana majoriti mahasiswanya mengambil kursus dalam bidang pengajian Islam. Aliran atau jenis sekolah yang pernah diduduki oleh responden ialah sekolah aliran agama yang mencatatkan peratusan tertinggi, 78.9

% berbanding sekolah aliran biasa yang hanya mencatatkan 21.1% daripada jumlah responden. Kebanyakan responden adalah pelajar sepenuh masa atau tidak bekerja iaitu seramai 62 orang bersamaan dengan 81.6%. Manakala yang bekerja pula terdiri daripada 3 orang yang bekerja di sektor kerajaan dan 11 yang lain adalah pekerja swasta. Sebanyak 31.3% atau 45 orang responden adalah pembaca berita portal *Malaysiakini*. Manakala 28.5% bersamaan dengan 41 orang responden membaca portal-portal lain seperti *UTAM*, *The Patriot* dan lain-lain.

## 5.2 Tahap Kefahaman Belia Islam Tentang Hak Kebebasan Beragama

Teradapat 24 item yang telah dibina dalam 4 konstruk atau tema yang berkaitan dengan hak kebebasan beragama. Berikut merupakan jadual kekerapan (*frequency*) dan peratusan jawapan responden mengikut skala Likert bagi setiap kenyataan tentang kefahaman hak kebebasan beragama:

Jadual 12: Tahap kefahaman belia Islam mengenai hak kebebasan beragama

Bil	Item		STS	TS	TP	S	SS
1.	Perlembagaan negara menjamin hak kebebasan beragama.	f	1	8	21	20	26
		%	1.3	10.5	27.6	26.3	34.2
2.	Islam tidak memaksa penganut agama lain untuk memeluk agama Islam.	f	1	-	-	19	56
		%	1.3	-	-	25	73.7
3.	Agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai.	f	2	-	3	28	43
		%	1.7	-	3.9	36.8	56.6
4.	Setiap individu berhak menganuti dan mengamalkan agamanya.	f	3	2	2	28	41
		%	3.9	2.6	2.6	36.8	53.9
5.	Setiap individu diberikan kebebasan menukar agama dan kepercayaan secara terbuka atau bersendirian.	f	21	17	18	14	6
		%	27.6	22.4	23.7	18.4	7.9
6.	Perbuatan yang boleh menggugat ketenteraman awam dan prinsip moral adalah bertentangan dengan maksud hak kebebasan beragama.	f	1	6	19	26	24
		%	1.3	7.9	25	34.2	31.6

Kajian Awal Tentang Tahap Kefahaman Belia Islam Di Lembah Klang  
Tentang Hak Kebebasan Beragama

7.	Syariah Islam melarang seorang Muslim menukar agamanya.	<b>f</b>	1	3	2	8	62
		<b>%</b>	1.3	3.9	2.6	0.5	81.6
8.	Seseorang Muslim yang telah menukar agama dan menzahirkannya wajib dikenakan hukuman mati.	<b>f</b>	3	5	19	13	36
		<b>%</b>	3.9	6.6	25	17.1	47.4
9.	Hukuman mati bagi mereka yang murtad adalah hukuman yang zalim.	<b>f</b>	23	20	20	8	5
		<b>%</b>	30.3	26.3	26.3	10.5	6.6
10.	Seorang bapa yang menganut agama Islam berhak mengislamkan anaknya yang berumur bawah 17 tahun.	<b>f</b>	4	6	19	28	19
		<b>%</b>	5.3	7.9	25	36.8	25
11.	Tidak ada peruntukan khas undang-undang menghalang seseorang itu daripada murtad.	<b>f</b>	12	10	34	14	6
		<b>%</b>	15.8	13.2	44.7	18.4	7.9
12.	Amalan kahwin silang agama menjamin hak kebebasan beragama individu.	<b>f</b>	29	15	26	4	2
		<b>%</b>	38.2	19.7	34.2	5.3	2.6
13.	Penganut agama lain tidak dibenarkan menyebarkan risalah mereka secara terbuka kepada orang Islam.	<b>f</b>	6	8	16	23	23
		<b>%</b>	7.9	10.5	21.1	30.3	30.3
14.	Undang-undang berhak menyekat penyebaran kepercayaan agama lain di kalangan orang Islam.	<b>f</b>	6	4	15	23	28
		<b>%</b>	7.9	5.3	19.7	30.3	36.8
15.	Larangan penganut agama Kristian untuk menggunakan kalimah Allah tidak bercanggah dengan maksud hak kebebasan beragama di Malaysia.	<b>f</b>	7	7	21	18	23
		<b>%</b>	9.2	9.2	27.6	23.7	30.3
16.	Nama Allah adalah hak eksklusif umat Islam.	<b>f</b>	6	5	4	17	44
		<b>%</b>	7.9	6.6	5.3	22.4	57.9
17.	Pelajaran agama (selain Islam) hendaklah diajar di semua sekolah untuk penganut agama tersebut.	<b>f</b>	4	10	30	20	12
		<b>%</b>	5.3	13.2	39.5	26.3	15.8

<b>18.</b> Orang bukan Islam dilarang menggunakan perkataan-perkataan suci Islam dalam bahan bertulis dan percakapan mereka.	<b>f</b>	9	13	16	17	21
	<b>%</b>	11.8	17.1	21.1	22.4	27.6
<b>19.</b> Perwartaan dan pengharaman ajaran-ajaran sesat di Malaysia bercanggah dengan hak kebebasan beragama.	<b>f</b>	21	19	25	5	6
	<b>%</b>	27.6	25	32.9	6.6	7.9
<b>20.</b> Penganut ajaran Syiah seharusnya diberikan hak untuk mengamalkan ajaran mereka secara terbuka dan menyebarkannya.	<b>f</b>	50	13	10	-	3
	<b>%</b>	65.8	17.1	13.2	-	3.9
<b>21.</b> Organisasi, media mahupun individu yang menyebarkan fahaman Islam Liberal wajib disekat.	<b>f</b>	8	8	13	15	32
	<b>%</b>	10.5	10.5	17.1	19.7	42.1
<b>22.</b> Ajaran yang bertentangan dengan prinsip ahl sunnah perlu dihalang penyebarannya.	<b>f</b>	9	13	4	13	37
	<b>%</b>	11.8	17.1	5.3	17.1	48.7
<b>23.</b> Ajaran bukan ahli Sunnah adalah sesat dan menyeleweng.	<b>f</b>	11	10	15	16	24
	<b>%</b>	14.5	13.2	19.7	21.1	31.6
<b>24.</b> Larangan terhadap penyebaran ajaran bukan ahli sunnah dapat memelihara keharmonian pengamalan agama umat Islam di Malaysia.	<b>f</b>	6	7	16	22	25
	<b>%</b>	7.9	9.2	21.1	28.9	32.9

Empat konstruk yang menjadi asas pembinaan item-item soal-selidik ialah definisi hak kebebasan beragama, tukar agama atau murtad, penyebaran agama bukan Islam dan penyebaran ajaran bukan ahli sunnah wa al-jamaah. Oleh itu, setiap tema mempunyai enam item atau kenyataan. Rajah di bawah menunjukkan hasil analisis data mengikut tema-tema berdasarkan kepada jumlah min (*mean*) dan penentuan tahap mengikut jadual interpretasi data (jadual 1), seperti berikut:

Jadual 13: Pecahan menikut tema untuk tahap kefahaman responden.

<b>Bil</b>	<b>Konstruk / Tema</b>	<b>Min</b>	<b>Keseluruhan Min</b>	<b>Tahap</b>
<b>1.</b>	Definisi hak kebebasan beragama		4.11	Tinggi
	- Item 1	3.82		
	- Item 2	4.70		
	- Item 3	4.45		
	- Item 4	4.34		
	- Item 5	3.43		
	- Item 6	3.89		
<b>2.</b>	Tukar agama atau murtad		3.92	Tinggi
	- Item 7	4.67		
	- Item 8	3.97		
	- Item 9	3.63		
	- Item 10	3.68		
	- Item 11	3.11		
	- Item 12	3.86		
<b>3.</b>	Penyebaran agama bukan Islam		3.54	Sederhana
	- Item 13	3.64		
	- Item 14	3.83		
	- Item 15	3.57		
	- Item 16	4.16		
	- Item 17	2.66		
	- Item 18	3.37		
<b>4.</b>	Penyebaran ajaran bukan ASWJ		3.76	Tinggi
	- Item 19	3.58		
	- Item 20	4.41		
	- Item 21	3.72		
	- Item 22	3.74		
	- Item 23	3.42		
	- Item 24	3.70		
<b>5.</b>	Keseluruhan		3.83	Tinggi

## 6.0 PERBINCANGAN

Secara keseluruhan, tahap kefahaman belia mengenai hak kebebasan beragama adalah tinggi dengan nilai min sebanyak 3.83. Berdasarkan kepada konstruk yang telah dibina, tahap kefahaman responden yang paling tinggi ialah tentang maksud hak kebebasan beragama dengan nilai min sebanyak 4.11. Ini menunjukkan bahawa belia Islam memahami dengan baik maksud hak kebebasan beragama. Item kedua dalam konstruk tersebut iaitu “Islam tidak memaksa penganut agama lain untuk memeluk agama Islam” mencatat min tertinggi iaitu 4.70. Seramai 56 orang responden sangat setuju dan 19 orang yang bersetuju walau bagaimanapun, terdapat seorang responden yang sangat tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Daripada keseluruhan item yang terkandung di dalam konstruk ini, satu item sahaja yang mendapat min sederhana iaitu item yang ke-5, “setiap individu diberikan kebebasan menukar agama dan kepercayaan secara terbuka atau bersendirian” yang mencatat min sederhana iaitu 3.43. Seramai 21 orang sangat tidak setuju, 17 orang tidak setuju dan 18 orang tidak pasti. Selebihnya 14 orang setuju dan hanya 6 orang sangat setuju

Konstruk yang kedua mengandungi item-item atau kenyataan yang berkaitan dengan isu murtad pula mencatatkan min kedua tertinggi dengan jumlah min sebanyak 3.92. Item 7, “Syariah Islam melarang seorang Muslim menukar agamanya” mencatatkan min yang tinggi dengan 4.67. Ia menunjukkan belia memahami tentang larangan Islam dalam hal murtad. Walaupun begitu, terdapat 2 orang responden yang tidak pasti, 3 responden tidak bersetuju dan seorang sangat tidak setuju. Selain itu, majoriti responden memilih skala sangat tidak setuju dengan jumlah 23 orang bagi item 9, “hukuman mati bagi mereka yang murtad adalah hukuman yang zalim” dengan nilai min 3.63. Kemudian diikuti dengan 20 orang yang tidak bersetuju, 20 orang tidak pasti, 8 orang bersetuju dan 5 orang sangat bersetuju. Jumlah min sebanyak 3.11 dicatatkan bagi item 11, “tidak ada peruntukan khas undang-undang menghalang seseorang itu daripada murtad”. Majoriti responden memberikan jawapan tidak pasti iaitu seramai 34 orang, 6 orang sangat setuju, 14 orang bersetuju. 10 orang responden pula tidak bersetuju dan baki 12 orang sangat tidak setuju. Hal ini menunjukkan belia dan mahasiswa tidak mendapatkan

kefahaman yang tepat tentang peruntukan perlembagaan dan undang-undang murtad di Malaysia.

Konstruk yang ketiga adalah mengenai penyebaran agama bukan Islam kepada penganut agama Islam pula mendapat skor min yang paling rendah sebanyak 3.54 dengan bacaan tahap kefahaman yang sederhana. Item 20, “penganut agama lain tidak dibenarkan menyebarkan risalah mereka secara terbuka kepada orang Islam” mencatat skor min 3.64 dengan bacaan tahap sederhana. 23 orang responden bersetuju dengan kenyataan tersebut, 16 orang tidak pasti, 8 orang tidak setuju dan 6 orang sangat tidak setuju. Oleh itu, belia dan mahasiswa masih tidak memahami tentang larangan tersebut dan hak penganut agama bukan Islam. Skor tertinggi dalam konstruk ini adalah pada item 20, “nama Allah adalah hak eksklusif umat Islam” dengan min 4.16. Walaupun begitu, masih terdapat 6 orang belia yang sangat tidak bersetuju, 5 orang tidak bersetuju dan 4 orang tidak pasti. Item ke 15, “larangan penganut agama Kristian untuk menggunakan kalimah Allah tidak bercanggah dengan maksud hak kebebasan beragama di Malaysia” mencatat skor min 3.57 (jadual 11).

Majoriti responden sangat bersetuju iaitu seramai 23 dan 18 orang bersetuju dengan kenyataan tersebut. Terdapat 21 orang yang tidak pasti dan 7 orang tidak bersetuju (jadual 10). Skor min yang paling rendah dalam konstruk ini ialah pada item ke-17 “pelajaran agama (selain Islam) hendaklah diajar di semua sekolah untuk penganut agama tersebut” dengan nilai min sebanyak 2.66 dan bacaan tahap yang sederhana. Majoriti belia memilih skala tidak pasti iaitu seramai 30 orang (39.5%). Item ke-18, “orang bukan Islam dilarang menggunakan perkataan-perkataan suci Islam dalam bahan bertulis dan percakapan mereka” pula mencatat skor min sebanyak 3.37 dengan bacaan tahap kefahaman yang sederhana. Seramai 21 orang responden sangat bersetuju dan 17 orang setuju. Walaupun belia memahami tentang isu nama Allah, tetapi mereka kurang mendapat maklumat tentang larangan terhadap penggunaan perkataan-perkataan suci yang lain oleh golongan bukan Islam.

Konstruk keempat iaitu berkenaan dengan isu penyebaran ajaran bukan ahli Sunnah mencatatkan skor min sebanyak 3.76 dengan bacaan tahap kefahaman yang tinggi tentang hal tersebut. Item yang mempunyai skor min yang paling tinggi dalam konstruk ini ialah pada item 20, “penganut ajaran Syiah seharusnya diberikan hak untuk mengamalkan ajaran mereka secara terbuka dan menyebarkannya” dengan jumlah min 4.41. Seramai 50 orang responden sangat



tidak setuju iaitu 50 orang, 13 orang tidak setuju, 10 orang bagi mereka yang tidak pasti manakala 3 orang yang lain sangat setuju. Oleh itu, beliau memahami tentang larangan amalan Syiah di Malaysia. Item ke-19, “perwartaan dan pengharaman ajaran-ajaran sesat di Malaysia bercanggah dengan hak kebebasan beragama” pula mencatat jumlah min sederhana dengan skor 3.58. Majoriti responden iaitu seramai 25 orang responden tidak pasti dengan kenyataan tersebut.

Seramai 21 orang responden sangat tidak setuju, 19 orang tidak setuju, 6 orang sangat setuju dan selebihnya seramai 5 orang responden setuju dengan kenyataan ini. Oleh yang demikian, walaupun beliau dan mahasiswa bersetuju dengan larangan fahaman Syiah, mereka masih tidak pasti sama ada larangan itu bertentangan dengan prinsip hak kebebasan beragama atau pun tidak. Beliau juga mungkin kurang memahami tentang pewartaan sesebuah ajaran sebagai ajaran sesat. Bagi item 23 pula, “ajaran bukan ahli Sunnah adalah sesat dan menyeleweng” mendapat purata min sederhana dengan jumlah 3.42. Walaupun majoriti responden sangat bersetuju dengan jumlah 24 orang dan 16 orang yang bersetuju, masih terdapat 15 orang tidak pasti, 10 orang tidak setuju dan 11 orang sangat tidak setuju. Oleh yang demikian, beliau tidak jelas dengan terma ahli sunnah dan hukuman sesat kepada mereka yang bukan atau tidak mengikuti ahli sunnah wa al-jama’ah.

## 7.0 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian telah mendapati bahawa tahap kefahaman beliau Islam tentang kebebasan beragama adalah tinggi (3.83). Mereka memahami kebebasan beragama dari aspek maksud dengan nilai min 4.11, isu menukar agama atau murtad dengan nilai min 3.93, penyebaran agama bukan Islam dengan nilai min 3.54 dan juga penyebaran ajaran bukan ahli sunnah wa al-jama’ah dengan nilai min 3.76. Walaupun begitu, beberapa bahagian dalam hak kebebasan beragama perlu diberikan perhatian kerana terdapatnya kekeliruan di kalangan beliau. Antara perkara yang perlu diberikan perhatian ialah item-item dalam konstruk tiga yang menjelaskan tentang penyebaran agama bukan Islam kerana bacaan tahap kefahaman beliau mengenai hal tersebut berada di tahap sederhana dengan nilai min sebanyak 3.54.

Oleh itu, institusi pengajian tinggi wajar untuk menjelaskan isu tentang silang agama, pengajian perbandingan agama, kedudukan agama Islam dan agama lain dalam perlembagaan dan perundangan negara kepada golongan belia atau mahasiswa. Penjelasan ini bagi memastikan supaya golongan belia mendapat kefahaman yang tepat mengenai hak kebebasan beragama yang didiasari oleh kerangka Islam dan perlembagaan negara. Kefahaman tentang hak dan tanggungjawab dalam hal-hal yang berkaitan dengan kebebasan beragama akan menghasilkan kehidupan yang lebih baik dan harmoni. Ia dapat mengurangkan ketegangan dalam pengamalan cara hidup beragama di Malaysia yang berlatarbelakangkan kehidupan kepelbagaian agama, bangsa dan tradisi.

---

**RUJUKAN**

- Abdul Monir Yaacob. (1986). *Hak Asasi Manusia Menurut Islam*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdull Rahman Mahmood, Kamaruddin Hj Salleh, Ahmad Sunawari Long dan Faudzinaim Badaruddin. (2009). Penerimaan Bukan Islam Terhadap Proses Islamisasi di Malaysia. *Jurnal Hadhari*, 2 : 33-51.
- Ahmad Munawar Ismail dan Mohd Nor Shahizan Ali. (2016). *Mengenal Kuantitatif dan Kualitatif dalam Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Sunawari Long. (2009). *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahris Yaakup, Stanley Chong Hon Chung dan Rubiah Suratman. t.th. *Perubahan dan Arah Perkembangan Kawasan Tepu Bina Wilayah Lembah Klang*. t.tp.: t.pt.
- Andrey Sujatmoko. (2009). *Sejarah, Teori, Prinsip dan Kontroversi HAM*. PUSHAM UII Yogyakarta dengan bekerjasama dengan Norwegian Centre for Human Rights (NCHR) Universitas Oslo-Norwegia, dalam pembentangan Training Metode Pendekatan Pengajaran, Penelitian, Penulisan Disertasi dan Pencarian Bahan Hukum HAM, Hotel Santika Premiere, Yogyakarta. 12-13 Mac 2009: 1-20.
- Che Bakar Che Mat. t.th. *Hak Asasi Manusia Dalam Sistem Nilai Pasca Modernism*. Cawangan Sarawak, Kampus Samarahan. Universiti Teknologi MARA.
- Ezad Azraai Jamsari, Mohd Al Adib Samuri, Salmy Edawaty Yaacob, Noor Aziah Mohd Awal, Izhar Ariff Mohd Kashim dan Mohamad Zulfazdlee Abul Hassan Ashari. (2011). Penetapan Mazhab Ahli Sunnah Wa al-Jamaah Sebagai Definisi Islam di Malaysia: Hak Penyebaran Agama bagi Kumpulan Agama Minoriti. *Jurnal Undang-undang & Masyarakat*, 15:31-42.
- Faisal Ahmad Shah. (2015). Kebebasan Beragama: Analisis Tahap Kefahaman Masyarakat Islam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. *Jurnal Pengajian Islam*, 8(1): 76-98.
- Faridah Jalil dan Rohizan Halim, (2014). Kebebasan Beragama: Gambaran Malaysia. *Kanun* (6), t.tp: t.pt. Disember 2014: 220-235.
- Frans Sayogie. (2013). Perlindungan Negara Terhadap Hak Kebebasan Beragama: Perspektif Islam dan Hak Asasi Manusia Universal. *Jurnal Hukum PRIORIS*, 3(3): t.pt.
- Ghazali Darusalam dan Sufean Hussin. (2016). *Metodologi Penyelidikan dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

- Helwa Mohammad dan Zainal Jasri Jamal. (2013). Kedudukan Murtad dan Penyebaran Agama Bukan Islam Menurut Perspektif Undang-Undang di Malaysia: Satu Analisa Isu dan Cabaran. *Jurnal Undang-undang & Masyarakat* 17:13-36.
- Ismail Raji al-Faruqi. (2009). Islam dan Kepercayaan Lain. Terjemahan. Ataulloh Siddiqui. Wangsa Maju: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad.
- Jaafar Salleh. (2010). *Islam Melindungi Hak-hak Asasi Manusia Sejagat*. Petaling Jaya: Mulia Terang Sdn Bhd.
- Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). (2004). *Liberalisme dan Pluralisme Agama: Hakikat dan Impak*. Selangor: Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan Jabatan Agama Islam Selangor.
- Katiman Rostam. (2006). *Pembangunan dan Perkembangan Wilayah Metropolitan Lanjutan Lembah Klang-Langat, Malaysia*. Jilid 1, Bilangan 1. Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. Julai-Disember 2006: 1-27.
- Mafis Mohd Samuri. (2012). *Penghakisan Nilai Agama Melalui Doktrin Hak Asasi Manusia*. Panel Jawatankuasa Pemikir Isu Islam Semasa Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan: 1-12.
- Majda El Muhtaj. (2008). *Dimensi-dimensi HAM: Mengurai Hak Ekonomi, Sosial dan Budaya*. Jakarta: PT. Raja Grafindo Persada.
- Mazlan Ibrahim, Latifah Abdul Majid dan Fadlan Mohd Othman. (2010). *Ancaman Inklusidisme Agama Terhadap Akidah*. dlm. *Islamiyyah Islam Liberal: Isu dan Reaksi*. Selangor: Bahagian Dakwah Jabatan Agama Islam Selangor.
- Md Akhir Hj. Yaacob. (1986). *Hak Asasi Manusia Menurut Islam; Satu Pendekatan Perbandingan*. Bangi: Dewan Pustaka Fajar.
- Mohamed Azam Mohamed Adil. (2015). *Liberalisme dan Pluralisme Agama: Impak kepada Perlembagaan dan Sistem Perundangan Islam di Malaysia*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Mohd Nur Hidayat Hasbollah Bin Hajimin. (2012). *Hak-hak Non-Muslim dalam Pentadbiran Negara Menurut al-Mawardi*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nik Safiah Nik Abdullah, Selamah Maamor dan Norazlina Abd Wahab. t.th. *Pengurusan Pembangunan Belia Dari Perspektif Islam*. Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah: 17-25.
- Rafidah Hanim Zainuddin. (2013). *Sisters In Islam (SIS)*. <http://www.ismaweb.net/2013/10/gerakan-feminisme-pintu-masuk-agenda-liberalisasi-bahagian-2/> 26 Ogos 2016. 2.47 pagi.

- 
- Rafidah Hanim Zainuddin. (2014). *Pemikiran Sister in Islam (SIS) dan Feminisme*. Dibentang dalam Seminar Projek Liberalisme: Dimensi dan Mikenisme. 20 Disember 2014: 40-60.
- Retno Kusniati. (2011). Sejarah Perlindungan Hak-Hak Asasi Manusia dalam Kaitannya dengan Konsepsi Negara Hukum. Dalam pembentangan Bimbingan Teknik, HAM Pejabat Wilayah Kementerian Hukum dan HAM Jambi, Hotel Ceria Jambi. 24 Mei 2011: 79-92.
- Ridwan Arif. (2010). *Kebebasan Awam (Civil Liberty) Menurut Jaringan Islam Liberal (JIL) di Indonesia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Salman Zainal Abidin, Jaffary Awang, Zulkefli Aini, Wan Haslan Khairuddin, Kamal Azmi Abd. Rahman, Abu Zaki Ismail, Muhammad Yusuf Marlon Abdullah, Maryam Habibah Kamis dan Nurfida'iy Salahuddin. (2014). *Kajian Tahap Kefahaman Akidah Belia Islam Berisiko Tinggi Di Selangor*. Bahagian Pemulihan al-Riqab. Majlis Agama Islam Selangor.
- Siti Musdah Mulia. (2006). *Menuju Kebebasan Beragama di Indonesia*. Dlm. Kebebasan Beragama atau Kepercayaan di Indonesia. Komisi Nasional Hak Asasi Manusia: 39-60.